



YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA
MALAYSIA

SIARAN MEDIA

PROGRAM CERIA KASIH YKN DAN SUMBANGAN *BACK TO SCHOOL* SESI PERSEKOLAHAN 2026

KUCHING, 14 DISEMBER - Yayasan Kebajikan Negara (YKN) hari ini melaksanakan Program Ceria Kasih YKN dan Sumbangan *Back To School* bagi sesi persekolahan 2026, melibatkan seramai 700 murid dari Kuching dan Lundu yang menerima bantuan persediaan persekolahan. Program ini dirasmikan oleh YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat merangkap Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah YKN.

Program diadakan di dua lokasi iaitu Kuching pada 14 Disember yang melibatkan 500 murid, dan di Lundu pada 13 Disember melibatkan 200 murid, sebagai komitmen YKN untuk memastikan bantuan sampai terus kepada komuniti akar umbi.

Melalui inisiatif ini, setiap murid menerima baucar pakaian dan kasut sekolah tajaan Yayasan Kebajikan Negara dan Yayasan Sime Darby, beg sekolah dan alat tulis sumbangan PEKEMA, serta susu UHT tajaan Dutch Lady Milk Industries. Sumbangan ini bukan sahaja membantu keluarga yang berdepan tekanan kos sara hidup, tetapi turut memastikan anak-anak memulakan sesi persekolahan 2026 dalam keadaan lebih bersedia dan bersemangat.

YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri menegaskan bahawa Program Ceria Kasih YKN berfungsi sebagai platform untuk mendekati masyarakat, memahami realiti hidup mereka dan menyediakan sokongan mengikut keperluan setempat.

“Usaha berterusan daripada sektor korporat seperti ini adalah bukti bahawa tanggungjawab sosial bukanlah tugas kerajaan semata-mata, tetapi juga satu kerjasama kolektif untuk membina masa depan yang lebih baik seiring dengan dasar kerajaan "Whole of Society" (WoGS) atau "Seluruh Masyarakat" iaitu pendekatan

strategik yang melibatkan kerjasama erat antara agensi kerajaan, sektor swasta, dan orang awam,”katanya.

Beliau turut menekankan peranan penting ibu bapa dalam membimbing anak-anak menghadapi pengaruh teknologi dan cabaran sosial, sambil menegaskan bahawa pendidikan berasaskan adab, perhatian seimbang dan komunikasi keluarga merupakan asas pembentukan generasi yang sejahtera.

Beliau turut menyeru keluarga agar memberi perhatian kepada kesejahteraan mental, serta mendapatkan bantuan profesional jika memerlukan sokongan emosi atau kaunseling sekiranya memerlukan sokongan emosi atau khidmat kaunseling.

Program ini turut diserikan dengan sesi perkongsian interaktif bertajuk “Berdiri Teguh, Tangani Buli Bersama” yang dikendalikan oleh kaunselor Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) YKN, yang memberi pendedahan kepada ibu bapa dan anak-anak mengenai kepentingan sokongan keluarga, komunikasi sihat serta peranan bersama dalam menangani isu buli.

Penganjuran program hari ini turut melibatkan sesi perkongsian daripada pelbagai agensi termasuk Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Bahagian D11 PDRM serta sesi pendidikan nutrisi oleh Dutch Lady Malaysia. Kehadiran agensi-agensi ini menambah nilai program melalui pendedahan awal kepada isu keselamatan, kesihatan, kesejahteraan keluarga dan pembangunan sahsiah.

YKN merakamkan penghargaan kepada semua penaja, rakan strategik, agensi pelaksana serta para sukarelawan yang terus komited menjayakan misi kebajikan buat masyarakat. Dengan sokongan berterusan, YKN akan memperluas lagi program berbentuk intervensi sosial demi memastikan tiada golongan yang tercicir daripada menerima bantuan.

####

**UNIT DANA DAN KOMUNIKASI KORPORAT
YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA**

MENGENAI YKN

YKN merupakan sebuah tabung kebajikan yang ditadbir oleh Lembaga Pemegang Amanah dan di bawah bidang kuasa Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. YKN diperbadankan pada 5hb Disember 1981 berdasarkan surat kelulusan Y.A.B Perdana Menteri di bawah Ordinan Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 dan telah dilancarkan oleh D.Y.M.M Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong VII pada 6hb April 1982. Pentadbiran YKN dikawalselia oleh Surat Ikatan Amanah bertarikh 18 Jun 1981.

YKN menjalin kerjasama strategik dengan pelbagai pihak dalam usaha menjana dana kewangan dan perkhidmatan untuk meningkatkan taraf hidup keluarga dan kanak-kanak yang memerlukan melalui perkhidmatan kebajikan, kesihatan dan pendidikan.

Untuk maklumat lanjut atau sumbangan, sila hubungi:

Unit Dana dan Komunikasi Korporat
Yayasan Kebajikan Negara (YKN)

 03 – 8323 2236/ 2237

 dkkykn@gmail.com

 www.ykn.org.my